



7 Mac 2024

## KENYATAAN MEDIA PAC

1. Semalam, **YBhg. Datuk Wan Suraya Wan Radzi**, Ketua Audit Negara telah memberikan taklimat khusus kepada PAC berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2022 yang dibentangkan di Dewan Rakyat.
2. Dalam pembentangan selama kira-kira dua jam itu, PAC telah diberikan penjelasan dengan mendalam berhubung penyata kewangan agensi Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2022 yang telah diaudit.
3. Walaupun, Ketua Audit Negara dalam pembentangan itu menyenaraikan tiga agensi yang perlu diberikan perhatian oleh PAC untuk dipanggil bagi prosiding iaitu Felda, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) berikutan terdapat masalah dalam Penyata Kewangan Tahun 2022, PAC telah **membuat keputusan untuk memanggil LTAT terlebih dahulu**.
4. PAC amat bimbang dengan kedudukan kewangan LTAT selepas pendedahan bahawa rizab LTAT berbaki negatif sekali gus menimbulkan persoalan kemampuannya membayar dividen kepada pencarum.
5. Untuk dua lagi agensi iaitu Felda dan PR1MA, PAC akan membuat keputusan selepas prosiding LTAT.
6. Prosiding LTAT ini akan diadakan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri dan PAC akan memanggil semua pihak yang berkaitan LTAT termasuk tiga

pengurusan tertinggi LTAT yang meletakkan jawatan iaitu mantan Pengerusi LTAT, mantan Ketua Pegawai Eksekutif LTAT dan mantan Pengarah Kanan Strategik LTAT.

7. Jawatankuasa ini juga tidak menolak untuk memanggil Menteri Pertahanan selaku menteri yang bertanggungjawab terhadap LTAT memandangkan isu ini amat kritikal membabitkan 122,935 penkarum sehingga 13 Mac 2023 yang terdiri daripada anggota Angkatan Tentera Malaysia.
8. Berhubung prosiding-prosiding PAC yang sedang berlangsung, saya ingin menjelaskan bahawa dalam mesyuarat pertama sidang Parlimen ini, Jawatankuasa akan membentangkan lagi enam laporan iaitu:
  - i. Laporan UiTM Holdings Sdn. Bhd;
  - ii. Laporan Pengurusan Pembangunan Hartanah Lembaga Pembangunan Langkawi;
  - iii. Laporan Program Ramalan dan Amaran Banjir;
  - iv. Laporan Pengurusan Naik Taraf dan Pembangunan Semula Bangunan Daif di Sekolah;
  - v. Laporan Tindakan Susulan Pengurusan Wabak Covid-19: Vaksin Luput Tempoh Hayat, Peralatan Ventilator Tidak Dapat Digunakan dan Lebihan *Personel Protective Equipment* (PPE); serta
  - vi. Laporan Tindakan Susulan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara.

selepas Jawatankuasa ini membentangkan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal terhadap syor Laporan Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia bagi tempoh Oktober 2022 hingga Mei 2023 (DR.6/2023) dan Jun Hingga September 2023 (DR.13/2023) pada 29 Februari 2024.

9. Pembentangan semua laporan itu menjadikan jumlah laporan PAC yang dibentangkan adalah sebanyak 7 laporan iaitu 4 laporan PAC dan 3 laporan tindakan susulan.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin**  
**Pengerusi PAC Parlimen**